

PROGRAM GERAN KUALA LUMPUR KREATIF

GAMBARAN KESELURUHAN

Permohonan Dibuka	Permohonan Ditutup	Pemohon Dimaklumkan Pada	Bengkel Penerima Manfaat yang Diluluskan
29 Mei 2023	26 Jun 2023	24 Julai 2023	1 minggu selepas makluman
	17 Julai 2023	18 Ogos 2023	
	14 Ogos 2023	15 September 2023	

1. Mengapakah Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Pusat Bandar Kuala Lumpur merupakan pusat bandar bersejarah Kuala Lumpur yang berkembang maju dengan tenaga baharu kerana warisan dan budaya yang ikonik dan indah serta aset budaya ketara dan tidak ketara. Banyak aktiviti telah diusahakan oleh pelbagai pihak berkepentingan dan komuniti untuk memelihara dan meraikan sejarah, kreativiti dan budaya Malaysia.

Untuk merealisasikan Pusat Bandar Kuala Lumpur sepenuhnya, Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur (KLCCD) diwujudkan dengan visi untuk menubuhkan sebuah daerah kreatif dan kebudayaan yang inklusif, kaya dengan pengalaman unik serta berdaya maju, yang dapat menyatukan fabrik bersejarah untuk mempertingkatkan kebolehdiaman dan daya tarikan pelawat.

2. Apakah Program Geran Kuala Lumpur Kreatif?

Program Geran Kuala Lumpur Kreatif (KL Kreatif) bertujuan untuk menggiatkan semula pusat bandar bersejarah ke arah penciptaan hab kreatif, yang berdaya huni, bertenaga dan berkembang maju. Ianya menawarkan peluang untuk melaksanakan peremajaan daerah kreatif dan pembangunan ekonomi serta mengukuhkan daya tahan sosial dan alam sekitar di Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Program ini bertujuan untuk menarik bakat dan perniagaan ke Pusat Bandar Kuala Lumpur dan menggalakkan persekitaran yang menarik untuk hidup, bekerja, makan dan beriadah. Kualiti persekitaran sesebuah tempat adalah penting untuk menarik dan mengekalkan bakat serta kepelbagaian bakat yang menarik akan menjadi antara faktor utama untuk membawa pelaburan baharu ke daerah kreatif ini.

Usaha penjana semula merangkumi pelbagai kegiatan dan pelaburan awam yang bersasar. Justeru, Think City, dengan sokongan Kementerian Kewangan melancarkan Program Geran KL Kreatif dalam Belanjawan 2023 untuk mencapai wawasan tersebut dan menangani cabaran bandar yang sedia ada di Pusat Bandar Kuala Lumpur.

3. Apakah objektif Program Geran KL Kreatif?

Objektif program adalah untuk:

- Memelihara dan meraikan kepelbagaian aset budaya di Pusat Bandar Kuala Lumpur di samping mengukuhkan perasaan setempat dan identitinya;
- Mengoptimumkan aset warisan budaya ketara dan tidak ketara yang kurang digunakan serta meningkatkan daya tarikan Pusat Bandar Kuala Lumpur ;
- Memperkukuh dan memperkasakan komuniti melalui pembangunan kapasiti dan program komuniti;
- Memangkin rangkaian nod-nod budaya dan kreatif melalui perniagaan baharu yang akan memacu ekonomi kreatif dan budaya; dan
- Menggalakkan lebih banyak perkongsian pengetahuan, kerjasama swasta-awam, dan merangsang minat dan komitmen pelbagai pihak berkepentingan ke arah penjanaaan semula bandar yang lebih mampan.

4. Siapakah yang boleh memohon Program Geran KL Kreatif ?

Program geran terbuka kepada individu, kolektif, pertubuhan berasaskan komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan* dengan idea projek yang boleh mempelbagaikan pengalaman pelawat, mencipta hasil ekonomi tempatan yang sejajar dengan budaya dan menyumbang kepada usaha peremajaan Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Pemohon utama mesti memikul tanggungjawab pentadbiran sepenuhnya serta terlibat secara aktif dalam keseluruhan proses.

**Organisasi/syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan/atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dialu-alukan untuk memohon.*

5. Apakah yang disokong oleh Program Geran KL Kreatif ?


Program Geran KL Kreatif menyokong perbelanjaan langsung untuk anda melaksanakan projek cadangan yang mungkin berkisar antara **RM50,000 hingga RM300,000** setiap permohonan.

Anda perlu ambil perhatian bahawa program ini:

- mengutamakan projek yang mempunyai sekurang-kurangnya pelaburan secara bersama 1:1;
- mengutamakan projek yang mempunyai potensi impak tinggi;
- menyokong projek yang inklusif kepada semua komuniti, menarik pengguna baharu, menyuntik kandungan kreatif baharu, atau/ dan mempelbagaikan penggunaan ruang; dan
- mengutamakan projek yang boleh disiapkan pada atau sebelum 31 Disember 2023.

6. Di manakah kawasan tumpuan geografi Program Geran Kuala Lumpur Kreatif ?

Program ini mengutamakan projek dalam lingkungan 250m radius di keliling Kawasan Dataran Merdeka, Stesen LRT Masjid Jamek, Kawasan Jalan Hang Lekiu dan Hab Transit Pasar Seni. Kawasan ini terletak dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur (diserlahkan dengan warna merah). Namun begitu, pemohon dialu-alukan untuk mencadangkan projek di luar kawasan yang dinyatakan ini selagi ia berada dalam liputan yang digariskan dalam peta di bawah (diserlahkan dengan warna biru).



Sumber: *Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur*

7. **Apakah yang terangkum dalam Program Geran KL Kreatif ?**

Program Geran KL Kreatif menyokong kos langsung projek yang berkaitan dengan lima tema ini:

7.1 PEREMAJAAN RUANG

Untuk meremajakan dan memberi nafas baharu kepada bangunan dan ruang usang/terbiar sekitar **Pusat Bandar Kuala Lumpur** dengan menghidupkan semula, membaik pulih dan menggunakan semula bangunan/ ruang tersebut untuk memelihara warisan bandar, mewujudkan ruang yang positif dan sihat serta meningkatkan kebolehdiaman dan daya tarikan pengunjung.

- **Sokongan teknikal** – Kerja perundingan dan penilaian awal diperlukan untuk:
 - Pemulihan bangunan termasuk rawatan fasad, pembaikan atau penambahbaikan bumbung, pemasangan dalaman, dan lain-lain.
 - Kerja-kerja penambahbaikan kawasan awam termasuk taman poket, meluaskan kawasan hijau, meningkatkan ruang di sekeliling bangunan anda untuk rekreasi awam, antara yang lain.
- **Sokongan pembangunan kapasiti** - Usaha untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kecekapan komuniti tempatan ke arah memenuhi objektif projek.
- **Pelaksanaan projek** – Menyokong pembinaan atau pengubahsuaian projek.
 - Pemulihan bangunan termasuk rawatan fasad, pembaikan atau penambahbaikan bumbung, pemasangan dalaman,
 - Kerja-kerja penambahbaikan kawasan awam termasuk taman poket, meluaskan kawasan hijau, meningkatkan ruang di sekeliling bangunan anda untuk rekreasi awam, antara yang lain.

7.2 PEMBENIHAN DAN/ATAU PENGEMBANGAN PERNIAGAAN

Untuk **mengisi semula populasi** bandar dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi bandar dengan membantu pemilik perniagaan memulakan perniagaan baharu atau menempatkan semula dan mengembangkan perniagaan sedia ada di **Pusat Bandar Kuala Lumpur**.

- **Perniagaan baharu** – Permulaan perniagaan baharu dalam kawasan tersebut, ini termasuk pengeluaran produk, penyediaan perkhidmatan atau integrasi teknologi untuk menyokong ekosistem kreatif dan budaya.
- **Pengembangan perniagaan** – Pengembangan perniagaan sedia ada untuk mengukuhkan kehadiran perniagaan itu dalam kawasan tersebut.

7.3 KANDUNGAN KREATIF DAN/ATAU PENGAKTIFAN

Untuk menyokong dan mengukuhkan ekosistem kreatif dengan mewujudkan peluang untuk artis, pekerja budaya dan pengamal kreatif untuk menyampaikan kandungan dan program berkualiti tinggi di Pusat Bandar Kuala Lumpur.

- **Penciptaan kandungan** – Mengumpul, menyusun, menerbitkan dan mentafsir maklumat yang boleh meningkatkan kualiti pengalaman pelawat dan meluaskan keterlihatan kandungan ketara dan tidak ketara.
 - Kandungan ketara – contoh: acara, penerbitan fizikal atau digital, program
 - Kandungan tidak ketara – contoh: penyelidikan, metodologi
- **Pengaktifan** – Menyusun, menyelaraskan dan menghasilkan acara, perayaan, program untuk meraikan kepelbagaian cerita, sejarah dan aset budaya dan memperkaya pengalaman pelawat.

7.4 PEMBANGUNAN KOMUNITI

Untuk mengukuhkan daya tahan, menggalakkan penyertaan melalui program yang dirancang untuk komuniti setempat.

- **Pembangunan kapasiti** – Program, aktiviti, bengkel, kelas induk, kursus atau pensijilan untuk memudahkan pemindahan pengetahuan atau kemahiran subjek tertentu kepada komuniti.
- **Program komuniti** – Program atau aktiviti yang diterajui komuniti untuk meningkatkan penglibatan komuniti, keterangkuman dan daya tahan di Pusat Bandar Kuala Lumpur.

7.5 PENYELIDIKAN DAN/ATAU PENERBITAN

Mewujudkan daerah kreatif dan kebudayaan yang disokong dengan baik oleh penyelidikan, yang seterusnya akan meningkatkan keterlihatan daerah, meningkatkan pengalaman pelawat dan mewujudkan peluang untuk komuniti berkembang maju.

- **Penyelidikan dan analisis** – Membiayai penyelidik untuk menjalankan analisis menyeluruh dalam mengenal pasti keperluan dan cabaran ekosistem dan mengesan impak.
- **Penerbitan** – Mengumpul, menyusun dan mentafsir maklumat yang akan dimasukkan ke dalam penerbitan, termasuk pemetaan budaya, garis panduan, dokumentasi dan pencetakan bahan media.

8. Apakah kelayakan untuk memohon Program Geran Kuala Lumpur Kreatif ?

Pemohon yang berminat dikehendaki menghadiri sesi hari terbuka dan/atau klinik permohonan geran yang dianjurkan oleh Think City, untuk memahami sepenuhnya kriteria, objektif dan penyediaan cadangan yang diperlukan.

8.1 PEREMAJAAN RUANG

Sokongan teknikal

Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat kelayakan berikut:

Pembinaan kapasiti

- Hartanah yang dikenalpasti mesti terletak di dalam kawasan tumpuan Pusat Bandar Kuala Lumpur;
- Mengemukakan pelan pengaktifan dan jadual unjuran kewangan. Hartanah tersebut mesti digunakan untuk menyokong agenda KLCCD dengan menempatkan perniagaan atau aktiviti selepas pelaksanaan projek;
- Mengemukakan bukti pemilikan, pajakan atau surat kepentingan daripada pemilik hartanah untuk projek yang berpotensi dilaksanakan di hartanah yang dikenalpasti.

Pelaksanaan projek

8.2 PEMBENIHAN DAN/ATAU PENGEMBANGAN PERNIAGAAN

Perniagaan baharu

Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat kelayakan berikut:

Pengembangan perniagaan

- Mengemukakan rancangan perniagaan;
- Mengemukakan jadual unjuran kewangan sekurang-kurangnya 3 tahun;
- Untuk projek perniagaan baharu, pemohon perlu mendapatkan beberapa bentuk perkongsian atau pembiayaan permulaan.

8.3 KANDUNGAN KREATIF DAN/ATAU PENGAKTIFAN

Penciptaan kandungan

Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat kelayakan berikut:

Pengaktifan

- Mengemukakan pelan pelaksanaan projek, termasuk strategi pemasaran dan jangkauan;
- Menyatakan rakan usahasama projek.

8.4 PEMBANGUNAN KOMUNITI

Pembangunan kapasiti

Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat kelayakan berikut:

Program komuniti

- Mengemukakan pelan pelaksanaan projek, termasuk strategi pemasaran dan jangkauan;
- Menyatakan rakan usahasama projek.

8.5 PENYELIDIKAN DAN/ATAU PENERBITAN

Penyelidikan dan analisis	Projek yang dicadangkan mesti memenuhi syarat kelayakan berikut:
Penerbitan	<ul style="list-style-type: none">• Mengemukakan cadangan abstrak dan metodologi yang digunakan;• Untuk projek penerbitan, pemohon perlu mengemukakan draf manuskrip;• Menyatakan rakan usahasama projek.

Jadual 8.1: Senarai kriteria dan keperluan permohonan berdasarkan tema geran yang berbeza.

9. Apakah contoh perbelanjaan yang layak oleh Program Geran KL Kreatif ?

Senarai di bawah adalah contoh perbelanjaan yang layak di bawah Program Geran KL Kreatif .

PERBELANJAAN YANG LAYAK	
Mobilisasi projek dan kerja-kerja awal	<ul style="list-style-type: none">• Kerja-kerja perundingan dan penilaian diperlukan sebelum pelaksanaan projek.• Kerja mobilisasi dan pembersihan tapak.
Bahan dan peralatan **	Bahan mentah yang diperlukan untuk tujuan memenuhi objektif projek. <ul style="list-style-type: none">• Penghasilan karya seni atau pemasangan• Pembinaan• Penghijauan• Penerbitan
Pengeluaran, pembinaan dan penerbitan	Kos yang berkaitan dengan pelaksanaan projek yang dibenarkan termasuk penyewaan mesin, buruh, pembuatan, percetakan, pengedaran, persediaan teknikal, antara yang lain.
Aktiviti pemasaran dan promosi	Termasuk kos media sosial/iklan digital, bahan pemasaran, pencetakan katalog/e-katalog, yuran pereka bentuk, penulis iklan, jurugambar, juruvideo untuk dokumentasi projek.

** Contoh di atas mungkin tidak lengkap. Sila hubungi Think City sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut.

10. Apakah contoh perbelanjaan yang tidak layak di bawah Program Geran KL Kreatif?

Geran tidak meliputi:

- Perbelanjaan lampau yang telah dimulakan atau dilaksanakan sebelum menandatangani perjanjian geran;
- Pendaftaran yuran gabungan;
- Kos pembaikan dan penyelenggaraan rutin;
- Kos overhead organisasi sedia ada (iaitu, sewa, insurans, bil utiliti, gaji kakitangan, cukai majlis);
- Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

11. Siapakah yang tidak layak untuk Program Geran KL Kreatif?

Permohonan anda tidak layak jika anda:

Sebagai individu/ kolektif/ organisasi:

- Diisytiharkan muflis atau sedang menjalani prosiding kebangkrapan;
- Sedang menghadapi tindakan, tuntutan, proses atau siasatan terhadap pemohon;
- Didakwa dan/atau disabitkan dalam proses jenayah atau nama sebagai tertuduh dalam proses kes mahkamah yang belum selesai;
- Memiliki laporan penilaian belum selesai/tertunggak mengenai penggunaan program geran terdahulu daripada Think City; dan
- Jika terdapat sebarang penemuan negatif terhadap mereka yang memohon semasa proses ketekunan wajar.

Mencadangkan projek yang:

- **Telah bermula sebelum tarikh pemberitahuan geran;**
 - Apabila latar belakang projek, isu, objektif dan output tidak ditakrifkan dengan jelas;
 - Tidak mematuhi undang-undang dan ordinar yang terpakai;
 - **Memburukkan atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat kita yang berbilang budaya dan agama;**
 - **Mengancam keselamatan atau kestabilan negara;** dan
 - Tidak bersesuaian untuk khalayak ramai.
-

12. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan bersama permohonan anda?

Permohonan projek mesti disertakan dengan cadangan yang mengenal pasti dengan jelas niat, proses dan keperluan teknikal (jika berkenaan). Sebagai garis panduan, projek yang dicadangkan harus memenuhi nilai asas tersebut.

- **Menghormati** – Mencerminkan dan menghormati budaya tempatan, sejarah, kepelbagaian Malaysia serta mematuhi undang-undang dan ordinan yang terpakai.
- **Inklusif** – Interaktif, menarik dan boleh dicapai oleh semua orang daripada latar belakang yang berbeza tanpa mengira umur, etnik, kelas sosial, keupayaan atau jantina.
- **Inovatif** – Menyumbang kepada penggunaan kaedah atau idea baharu untuk memajukan, bersaing dan membezakan dengan jayanya dalam pasaran mereka.
- **Keusahawanan** – Menunjukkan pelbagai set kemahiran untuk menampung pengembangan perniagaan dan jenama mereka.

Dokumen lain yang diperlukan untuk disertakan dalam penyerahan anda (dalam format PDF) adalah seperti di bawah:

- Borang permohonan yang lengkap
- CV/profil/portfolio pemohon (untuk individu/organisasi)
- Belanjawan – pecahan terperinci kos, termasuk mana-mana penentuan kos pihak ketiga (Templat pecahan belanjawan terdapat pada hujung borang permohonan)
- Penyata bank yang dikosongkan untuk menunjukkan bukti alamat surat-menyurat
- Butiran syarikat – Sijil Pendaftaran dengan Pendaftar Syarikat/ Pertubuhan/ Borang Perniagaan 9, 13, 24, 44, 49, M&A
- Dokumen sokongan lain – gambar untuk menggambarkan tapak projek yang dicadangkan, kos pihak ketiga, dokumen penyelidikan, dsb.
- Dokumen berkaitan disenaraikan dalam Jadual 8.1

13. Bagaimanakah anda boleh memohon Program Geran KL Kreatif?

Pemohon yang berminat boleh muat turun borang permohonan dari thinkcity.com.my dan hantarkan borang siap dan dokumen berkaitan mereka ke e-mel rasmi downtownkl@thinkcity.com.my .

Sila ambil maklum bahawa anda perlu menghadiri salah satu sesi hari terbuka atau klinik permohonan geran kami.

Tarikh untuk sesi-sesi ini akan diumumkan di laman web Think City dan disampaikan melalui semua platform Think City yang berkaitan.

14. Apakah yang berlaku selepas anda memohon?

Semua permohonan akan dinilai dan diluluskan melalui proses penilaian yang sangat kompetitif.

Prosesnya adalah seperti berikut, tertakluk kepada perubahan atau pindaan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Think City:



15. Apakah yang berlaku selepas permohonan dinilai?

Permohonan Berjaya

Pemohon yang berjaya akan menerima makluman melalui e-mel rasmi dengan Surat Tawaran (LOO).

Tawaran adalah sah selama tujuh (7) hari dari masa e-mel makluman dihantar. Jika anda tidak menerima tawaran dalam tempoh masa ini, tawaran tersebut akan luput.

Sebagai penerima yang berjaya, anda perlu hadir di Bengkel Penerima Manfaat yang Diluluskan dengan Think City untuk mengesahkan terma dan syarat geran.

Setelah pencapaian penting dipersetujui oleh kedua-dua pihak penerima manfaat dan Think City, anda akan menerima surat penerimaan (LOA) yang menyatakan:

- Jumlah dan tujuan geran yang diluluskan;
- Terma & syarat projek;
- Skop kerja dan senarai pencapaian penting.

Permohonan Tidak Berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan menerima makluman melalui e-mel jika permohonan tidak disenarai pendek dalam tempoh pemberitahuan yang sama.


Rayuan

Think City tidak dapat menerima rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

16. Bagaimanakah anda akan menerima dana yang diluluskan?

Pembiayaan akan disalurkan setelah selesai pencapaian dan penyerahan yang dipersetujui. Pembiayaan akan dimasukkan ke akaun bank penerima yang diiktiraf (individu atau organisasi) dalam tempoh 30 hari selepas penyerahan laporan kemajuan yang diluluskan oleh Think City

Peratusan pembiayaan dan pencapaian akan digariskan berdasarkan keperluan projek dan terakluk kepada kelulusan akhir oleh Think City. Carta alir bagaimana anda menerima dana ini digariskan seperti berikut:



Laporan kemajuan yang dinyatakan harus memberikan data maklumat dan pelaporan hasil kepada Think City untuk memantau prestasi dan aktiviti setiap projek dan memastikan kebertanggungjawapan dana awam. Laporan kemajuan akan memaklumkan penyelidikan dan komunikasi oleh Think City yang membolehkan kami menunjukkan impak pemohon yang dibiayai.

17. Apakah jangkaan untuk pencapaian dan keperluan pelaporan daripada pemohon yang berjaya?

Sepanjang tempoh pemberian, anda dikehendaki:

- Menyampaikan projek yang dicadangkan dalam tempoh geran yang digariskan dalam Surat Tawaran Dana (LOA) dan mematuhi keperluan pelaporan seperti yang dipersetujui;
- Sentiasa berhubung dengan Think City untuk mengemaskini kemajuan projek atau memaklumkan sebarang perubahan dalam skop kerja atau garis masa;
- Mengiktiraf sokongan Think City melalui platform media yang berkaitan dan mematuhi garis panduan jenama Think City iaitu, memasukkan logo pada semua bahan publisiti dan pemasaran bagi projek yang disokong.

Laporan Kemajuan Projek mesti diserahkan pada penghujung setiap pencapaian penting yang dipersetujui dan Laporan Penutupan Projek akan diperlukan pada penghujung projek, bersama-sama dengan:

- Tinjauan Penilaian Hasil yang perlu dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas projek siap (disediakan oleh Think City);
- Penyata kewangan yang menggariskan penggunaan belanjawan sebenar (templat disediakan oleh Think City); dan
- Sebarang bentuk bahan tambahan lain seperti fotografi, videografi dan/atau bahan yang dicipta.

Nota tambahan:

Think City berhak untuk membatalkan sebarang permohonan/kelulusan sekiranya terdapat:

- Perubahan dalam skop projek tanpa makluman dan mendapat kelulusan daripada Think City;
- Tidak dapat menyiapkan projek mengikut cadangan yang dikemukakan (tanpa justifikasi yang sah);
- Pelanggaran terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam Perjanjian Geran.

18. Siapakah yang boleh anda hubungi jika anda memiliki sebarang pertanyaan?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau ingin membincangkan permohonan anda secara terperinci, sila hubungi Think City di +6013 251 8930 atau e-mel downtownkl@thinkcity.com.my dengan pertanyaan anda atau dapatkan temu janji.

Mengenai Think City

Think City ialah organisasi impak yang ditubuhkan pada 2009 untuk mewujudkan tempat yang lebih mampan dan saksama untuk manfaat semua. Pengetahuan, kemahiran dan strategi kami memberi tumpuan kepada penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi budaya. Think City ialah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari thinkcity.com.my.

Tamat.

Dikemas kini pada 26 Mei 2023.